



PIRANE
MELAKA
BUKAN
KIAMAT


M E N G A P A

ANWAR

BELUM JADI PM?

MSO

MOHD SAYUTI OMAR



PENULIS bersama isteri Naimah Yaacob insan yang berada di belakang, menemani sepanjang masa MSO menulis dan berkarya sejak lebih 38 tahun lampau. Dengan beradanya zaujah di belakang yang penuh kesabaran dan memahami kesukaran dan kepayahan seorang pejuang menerusi mata pena telah menjadi pendorong dan penyuntik semangat buat sang suami. Isteri bukan sahaja peneman dan penyuntik semangat, tetapi ada kalanya menjadi saksi utama dan pertama kepada susah payah, cabaran dan mehnah dalam perjuangan menerusi pena.

Isteri tidak menjawab atau mendesah dengan kata-kata setiap kepayahan, tuduhan dan fitnah dilemparkan kepada sang suaminya, tetapi berdiri dengan kesetiaan, sabar dan penuh pengertian.







ANE MELAKA
KAN KIAMAT

M E N A P

ANWAR

BELUM JADI PM?

MSO

MOHD SAYUTI OMAR



M E N G A P A
ANWAR
BELUM JADI PM?
PM 10 (24 Nov 2022)





M E N G A P A
ANWAR
BELUM JADI PM?

MSO
MOHD SAYUTI OMAR

PUSTAKA PERDANA



1013211



2021



Mengapa Anwar Belum Jadi PM?

MSO

© Mohd Sayuti Omar

TM/BP01-21(55)

Terbitan Pertama Disember 2021

Cetakan Kedua Januari 2022

Penerbit

TINTA MERAH (000825823-V)

55, Jalan Wangsa Siaga 1,

Wangsa Melawati,

53300 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd Sayuti Omar, 1960-

MENGAPA ANWAR BELUM JADI PM? : Senario Piraum Ke-15 /

MOHD SAYUTI OMAR.

ISBN 978-967-26438-0-7

1. Malaysia--Politics and government.

2. Political culture--Malaysia.

3. Political parties--Malaysia.

I. Judul.

320.9595

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada kandungan dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara fotokopi, rakaman, elektronik, mekanik atau lain-lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada penerbit.

Fon: Adobe Caslon Pro 12/16 pt

Rekabentuk Kulit/Aturhuruf

SI DZIGN

Pencetak

Maju Jaya Indah Sdn Bhd

68, 14E, Ampang New Village,

68000 Ampang,

Selangor Darul Ehsan.



Salam Reforasi.

Anna

DEDIKASI

kepada pembaca budiman

Ramli Hashim, Hizadayati Paiman, Mohamad Nizamudin Ali, Mohd Nazri Jaafar, Ab Rahman Ramly, Azizah Busro, Zainab Awang Mamat, Zailani Yasin, Nur Syazana Lait, Izwadi Naffi, Adam Alyssa, Hazemi Mamat, Mu'az Aznam, W Muhd Ammar W Abd. Rahim, Affendi Ab Rahim, Amir Raman, Mohd Kamil Hasan, Hamidah Husni, Balkis Ab Karim, Ismail Abdullah, Mohamad Zabidi Derus, Zaharah Daud, Lokman Ghazali, Jaraw Adi, Amran Talib, Amni Idris, Mukaimi Hasni, Marzuki Yedin, Muhammad Shamsul Taib, Basar Ishak, Ahmad Kamal Ibrahim, Zairul Musa, Mohd Hafizro Hassim, Azman Ahmad, Zulbazam Mohamed, Zuridah Mohamed, Mohd Warid Hussin, Mohd Ridzuan Hamzah, Che Harun Ariffin, Ida Faizul, Mubammad Najmi, Mohamed Hussaini Hashim, Md Hir Effendi, Mohd Asyraf Mohd Noor, Raja Mahmood Raja Omar, Sharifah Nuraminah Sy Ahmad, Hashim Ismail, Mohd Rasyid Mohd Salahuddin, Mubamad Jafri Nordin, Gayah, Mualim, Ahmad Sablan Sedek, Mohd Ridzuan Mansor, Abd Halim Mamat, Wan Mohd Haffiz Mohd Nasir, Ahmad Redzaudin Ghazali, Johan Muhammad, Nik Ibrissam Nik Mahamad, Alias Daud, Abdul Rahman Muhyidin, Eh Pon Praphan Krungnit, Faezahtul Arbaeyah Hussain, Nurul Izhan Nawwi, Syah Rusli, Shabrin Surip, Noor Roza Hassan, Mohammad Aslahuddin Saifuddin, Izam Ishak, Hafessazly Hashim, Mohd Azmi Che Kob, Dr Adli Yaakob, Zulaimi Kazim, Mazlan Abdul Rahman, Dr Mohd Hishammfariz Mohd Amin, Zulkipli Mohd Shariff, Zainol Abd Rani, Noreha Mat Noor, Md Sabri Mohamad, Sukri Said dan Allahyarham Abd Karim Husain.



Kenangan bersama Abd Karim.

Kandungan

i. Salam Penerbit	xi
ii. Pembuka Bicara	xv
Bahagian Pertama	
TUNJANG BUKU	
1. Mengapa Anwar belum jadi PM?	2
2. Faktor Anwar belum jadi PM.	13
3. Penyalinan pemimpin muda.	33
4. Senario pilihan raya ke-15.	44
Bahagian Kedua	
AMARAN BUAT MAHIADDIN	
1. Darurat pelindung sementara buat Mahiaddin.	52
2. Darurat beri kuasa penuh kepada Mahiaddin.	57
3. Mahiaddin bertakhta dengan masalah.	61
4. 9 menteri bersama Mahiaddin.	66
5. Surat: Tan Sri usahlah berdegil.	70
6. Pelan pengukuhan diri bukan negara.	81
7. Mahiaddin tidak akan jatuh dalam Parlimen.	86
8. Mahiaddin perlu letak jawatan.	96

9. Selama mana Mahiaddin genggam masalah?	101
10. Mahiaddin telah letak jawatan.	106

Bahagian Ketiga

NASIHAT DAN PANDANGAN

1. Perlukah kerjasama PH dengan Umno?	114
2. Pemuda boleh selamatkan Umno.	119
3. Rakyat perlu beri ultimatum kepada Mahiaddin.	130
4. Pembangkang jangan harap bulan jatuh ke riba.	134
5. Umno jangan bunuh diri.	141
6. Umno, Pas, Keadilan dan DAP parti unggul.	151
7. Tarikh Piraum tidak penting, kerjasama mustahak.	158
8. Kemelut negara tanggungjawab bersama.	168
9. Raja-Raja Melayu perlu berperanan.	176

Bahagian Keempat

PAS YANG BERGELORA

1. Surat: Tok Dor sudah kerap kentut.	186
2. Siapa layak ganti Ahmad di Kelantan.	198
3. Team untuk tumbangkan Pas di Kelantan.	205
4. Pas berkesan jadi pembangkang daripada jadi kerajaan.	217
5. Bulan berdarah Pas terluka (1).	228
6. Bulan berdarah Pas terluka (2).	236
7. Tawarikh Amanat Haji Hadi.	243
8. Perang ghanimah dalam Pas (1).	253
9. Perang ghanimah dalam Pas (2).	260

Bahagian Kelima

KELICITAN SIASAH UMNO

1. Umno jangan layan oportunist.	268
2. Umno waspada dengan politik diplomasi Azmin.	278
3. Memahami isi surat Umno Ketereh.	284
4. Kesan keputusan PAU.	290
5. Umno tolak PPBM sedia kerjasama dengan Keadilan?	296
6. Memahami muslihat Umno tarik sokongan.	303
7. Kelicitan siasah Umno.	311

Bahagian Keenam

ILUSI DAN SIMPATI

1. Kesian pun ada meluat pun ada. 322
2. Ke mana dan bagaimana Azmin Ali (1). 330
3. Ke mana dan bagaimana Azmin Ali (2). 338
4. Kalau Mahiaddin berundur siapa PM? 350
5. Mahiaddin dan Takiyuddin derhaka? 360
6. Kerajaan PN tumbang. 364

Bahagian Ketujuh

POLITIK ISMAIL SABRI

1. Ke arah mewujudkan kerajaan Perpaduan. 370
2. Ismail Sabri jangan naik meroket,
turun biarlah macam peracut. 377
3. Tiada kabinet Ismail Sabri? 386
4. Kabinet Ismail Sabri obesiti. 390
5. Sidang Parlimen 16 September hangat? 399
6. Transformasi Parlimen elakkan undi tidak percaya. 407
7. Maknawi MoU dan kestabilan politik. 410
8. Mustapa Bendahara kerajaan Ismail Sabri. 417

Bahagian Kelapan

ANWAR DAN REFORMASI

1. Prinsip perjuangan Anwar. 426
2. Keadilan tidak lumpuh kerana pengkhianat. 434
3. Tengku Razaleigh perlu sefaham dengan Anwar. 440
4. Anwar Putera Negara yang dikhianati. 451
5. Dua dekad perjuangan Reformasi. 456

PENUTUP

- Stop Press I: Pirane Melaka bukan suatu kiamat. 468
- Stop Press II: Jangan kerana setitik budi,
Anwar hendak dibuang. 476
- Glossori 485
- Kependekan 486

Salam Penerbit

SALAWAT dan salam ke atas Nabi Muhammad S.A.W. dan para sahabat serta para ambia, auliya dan solehin yang merupakan hudan mutaqin.

Buku yang sedang anda tatap ini membicारा persoalan yang mungkin tergantung lama di minda anda yang sukar untuk dijawab secara pasti, berhubung nasib atau pun kedudukan Anwar Ibrahim. Persoalan yang diutarakan dalam buku ini, kenapa Anwar masih belum jadi perdana menteri?

Umum memahami dan ramai rakyat mengharap Anwar untuk menjadi perdana menteri. Beliau didambakan untuk berada di kerusi nombor satu negara itu atas sebab dan keperluan tertentu. Antaranya keinginan dan harapan itu disangkutkan memandangkan kepada kelayakan dan kebolehan dimilikinya untuk memegang jawatan itu, disamping beliau sendiri sudah kesekian lama mengidamkan jawatan itu.

Idealisme dan semangat perjuangannya dilihat tepat dan sejajar dengan naluri dan aspirasi rakyat waktu ini serta sebagai persediaan bagi menantang dan menghadapi permasalahan negara waktu ini.

Tentunya keinginan orang ramai itu ditambah dengan rasa tidak puas hati orang ramai terhadap beberapa orang pemegang jawatan itu selepas Dr Mahathir Mohamd berundur. Seperti mereka yang mengisi jawatan itu seolah-olah tidak sesuai dan kena pada tempatnya atau gagal memberi impak besar untuk negara. Negara seperti dalam keadaan membazir masa dan tenaga selama mereka menjawat jawatan itu. Lantaran itu menjadikan sebahagian rakyat ini kecewa dan hilang semangat untuk membangun negara.

Anwar telah menumpahkan berbagai idealisme sebagai pemimpin dan memberi harapan baharu menerusi landasan reformasi untuk membawa negara ini ke mercu kejayaan. Lantaran terpesona dengan wawasan dan gagasan beliau itulah maka menyebabkan beliau didamba dan didoakan menjadi perdana menteri.

Tetapi malangnya sehingga kini beliau masih belum memegang jawatan itu. Sekurang-kurang sudah 20 tahun masa yang sepatutnya diisi oleh beliau sebagai PM berlalu begitu sahaja dan negara seperti kerugian.

Dalam buku ini, dibentangkan apakah sebab musabab atau kemungkinan-kemungkinan zahiriah menyebabkan beliau masih belum dinobatkan menjadi perdana menteri. Menurut penulis ada tiga faktor; politik, diri Anwar dan faktor luaran.

Insyallah buku ini akan menjawab dan memberi ulasan dan alasan kenapa situasi itu berlaku. Rasanya

inilah buku pertama yang cuba menjawab dan menjelaskan kemusyikilan mengenai hal Anwar tentang ini. Buku-buku lain sebelum ini hanya melempar persoalan kenapa Anwar tidak boleh jadi perdana, atau kelebihan untuk jadi perdana, tetapi buku ini mempersoalkan kenapa masih belum jadi PM. Ertinya buku ini sama sekali tidak menafikan Anwar sebaliknya cuba meletakkan waktu dan ketika untuk Anwar ke jawatan itu.

Selain menjadikan persoalan Anwar masih belum jadi PM sebagai tunjang buku ini, buku MSO ke-55 ini juga turut merakam detik-detik kejatuhan kerajaan PH dan pengkhianatan yang dilakukan ke atasnya dan juga memberi gambaran sebelum kerajaan PN bertukar kepimpinan daripada Mahiaddin Md Yassin kepada Ismail Sabri Yaakob. Penulis telah memberi beberapa pandangan dan nasihat keras kepada Mahiaddin Md Yassin bagi mengelakkan bekas PM itu ditumbangkan secara memalukan namun tidak dihiraukan.

Buku ini juga turut memberi gambaran secara ringkas mengenai senario pilihan raya umum ke-15 nanti. Penulis membuat ramalan pilihan raya itu nanti sangat menarik apabila kemungkinan berlaku pertandingan tiga penjujur antara tiga gabungan politik utama; BN, PH dan PN. Pertembungan sebegitu pertama kali dalam sejarah pilihan raya negara. Persoalan gabungan manakah yang bakal menerajui negara cuba diberi gambaran dengan hipotesis yang berpandukan kepada senario hari ini.

Pilihan raya negeri Melaka yang sedang berlangsung ketika ini sedikit sebanyak diambil sebagai petunjuk dan gambaran kepada pilihan raya umum ke-15 nanti.

MENGAPA ANWAR BELUM JADI PM?

Seperti biasa kami berharap dengan penerbitan buku ini ia sedikit sebanyak akan menjawab dan memberi pencerahan kepada persoalan utamanya, mengapa Anwar masih belum jadi perdana menteri, dan ia menjawab persoalan-persoalan lain yang bersangkutan. Di atas sokongan pembaca budiman terhadap buku-buku terbitan kami secara berterusan diucapkan sebanyak terima kasih. **TM**

Salam hormat,
TINTA MERAH,
Kuala Lumpur.
1 November 2021.

Pembuka Bicara

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

*Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad S.A.W.,
para sahabatnya, kepada ayah ibuku dan guru-guruku.*

*Syukur Alhamdulillah dengan taufik dan hidayah
serta sir dan tajalli-Nya dapat saya siapkan buku ini.*

ADA orang menganggap saya penulis yang mengkultus Anwar Ibrahim apabila sering menulis mengenai tokoh yang seorang ini. Saya dilabelkan sebagai “orang Anwar” oleh kumpulan atau puak yang menyokong tokoh-tokoh berlawanan atau menjadi pesaing Anwar. Tanggapan itu tidak benar dan saya menolaknya. Saya bukan taksub kepada beliau atau kepada sesiapa sahaja. Sesiapa sahaja tokoh yang menjadi subjek penulisan saya bukan kerana apa melainkan

mereka ada nilai dan keistimewaan tersendiri khususnya dari pandangan saya.

Sebagai penulis kerdil saya yang tidak mengikatkan diri dengan mana-mana pihak dan kumpulan, menulis dan mengikut perjalanan dan perjuangan politik sesiapa sahaja tanpa mengira anutan parti. Ia bukan hanya Anwar atau terhad kepada mereka daripada parti tertentu. Tokoh-tokoh atau perjuangan lain juga menjadi bahan penulisan saya. Allahyarham Nik Abdul Aziz Nik Mat, Mohd Asri Muda, Fadhil Mohd Noor, Abdul Hadi Awang dan lain-lain termasuk juga Dr Mahathir, Najib Razak, Husam Musa, Tengku Razaleigh Hamzah, Abdullah Ahmad Badawi, Allahyarham Sanusi Junid menjadi “nalar sumber” penulisan saya.

Kenapa mereka ini menjadi sorotan dan bahan penulisan saya? Misal terutamanya Anwar, seperti saya kata tadi disebabkan mereka ada nilai tersendiri dan memiliki keistimewaan “ketampanan” menjadi pemimpin negara. Daripada mereka ada sesuatu yang mengetik hati saya untuk memperkatakan tentang mereka. Tentunya stail, sikap dan perwatakan mereka memiliki ciri kepimpinan yang mengujakan saya.

Tetapi mengapa Anwar begitu kerap jadi bahan penulisan kerana aroma yang ada kepada dirinya disamping lakar sejarah yang dilaluinya. Kerencaman dan keazaban diterimanya sepanjang berjuang menjadikan beliau sebagai subjek utama penulisan saya. Inilah menyebabkan saya tidak mudah untuk berhenti daripada memperkatakannya. Anwar seorang tokoh yang wajar diberi perhatian dengan segala kelebihan dan keunikan dimilikinya itu.

Tidak perlu kita pergi jauh untuk melihat kehebatannya ini. Semua orang sudah maklum dan arif tentangnya baik ideaalisme perjuangannya serta pancaroba dan pengorbanan dilaluinya. Tentang keikhlasan, kesungguhan, keazaban dan kesengsaraannya dalam berjuang sudah dirakam dan dicatat semua orang. Ia mendunia. Anwar telah melalui lautan perjuangan bergelora maha hebat yang jarang direnangi dan sanggup menongkahnya. Sejarah perjalanan perjuangannya sangat panjang, lama, dramatik dan mengsuspendkan kerana masih belum ada tanda-tanda berakhir. Ia bermula sejak zaman remaja sewaktu di kampus lagi, (1970-an) membawa ke alam belia dalam gerakan belia Islam (Abim) kemudian memasuki ke gapura siasah yang lebih besar ke saat ini.

Bukan calang-calang pancaroba dan ujian yang dilaluinya. Dihalang, difitnah, diaibkan, bahkan berkesudahan dengan dipenjarakan, bukan sekali tetapi tiga kali dan mungkin hadir lagi. Kerana variasinya pancaroba dilaluinya itulah menjadi dunia perjuangan politik negara ini terhayat olehnya. Dunia siasah negara ini hidup kerana beliau. Kita tanpa sedar sudah hampir separuh abad memperkata dan membicarakan mengenai Anwar.

Jiwa jihad

Mengapa saya katakan beliau adalah obor politik negara ini. Saat pemimpin dan tokoh-tokoh lain sudah lama membungkus diri, menghilang atau bersara awal setelah tidak sanggup berhadapan dengan cabaran dan tentangan, tetapi tidak baginya. Beliau tetap tabah dan yakin dengan apa diperjuangkan. Tidak ada sesiapa atau golongan yang boleh mengagalkannya. Walhal

apa dilaluinya lebih hebat penderitaan dan cabarannya berbanding tokoh-tokoh lain, namun beliau tidak pernah mengalah. *Taglinenya* “lawan tetap lawan, lawan hingga menang” semacam menjadi enjin supersonik kepada perjuangannya. Seolah-olah beliau tidak akan berhenti, jauh sekali mengaku kalah selagi tidak menang. Anwar mempunyai segunung jiwa jihad yang ulet.

Melihat kegigihan dan ketabahan ini beliau seakan tidak ada tarikh dan masa berhenti dalam jadual hidupnya. Masa rehat dan berhenti tidak ada sama sekali dalam kamus dirinya. Ini sesuai dengan hakikatnya sebagai hamba Allah yang dizahirkan dengan dituntut agar berjuang. Kata Tuhan; *“Aku jadikan manusia sebagai khalifah dibumi ini.”* Dengan menerima amanat itu maka tidak ada senggang masa dan alasan untuk beliau berhenti daripada menjadi khalifah dan menjadikan kematian itu mentara perpisahan dan kemenangan.

Saya tidak menafikan yang saya banyak menyorot dan mengulas tentang beliau. Hampir dalam semua buku-buku tulisan saya akan terselit nama Anwar sama ada baik atau sebaliknya. Dalam sorotan itu bukan sahaja mengangkat dan menceritakan kehebatannya, mendewanya sebagai pemimpin yang komited berani tegas dan sebagainya, tetapi juga mengkritik beliau. Sebagai seorang penulis bebas yang bertindak merakam sejarah dan peristiwa semua orang, saya tidak terlepas daripada mengkritikan beliau. Malahan, sebermula saya memberi sorotan terhadap sosok ini dengan mengkritiknya. Memberi pandangan dan *prediction* tentang perjalanannya pada hari-hari muka berpandukan kepada karektor, pemikiran,

pendekatannya dan tribulasi dengan membandingkan apa yang dilakukan sebelumnya.

Serba ringkas dikisah bagaimana sebermula saya menulis dan menyorot mengenai Anwar. Ia dimula dengan menerbit sebuah buku berjudul *Anwar Ibrahim: Mimpi dan Realiti*, (Tinta Merah, November 1990, Kuala Lumpur). Inilah buku pertama saya menyorot tentang peribadi dan perjuangannya. Buku ini juga menjadi tanda mata pengenalan pertama saya dengan beliau. Tanpa buku ini saya mungkin tidak dikenal dan diingati oleh beliau kemudian menjadi rapat seperti hari ini.

Buku ini sudah menjadi sejarah tersendiri untuk dihibau oleh beliau dan juga saya. Ia menjadi *sentimental value* buat kami. Dalam buku ini saya mengulas mengenai perubahan sikapnya daripada seorang mujahiddin kepada pejuang nasionalis. Perubahan sikap dirinya dengan membandingkan beliau sebagai presiden Abim dengan sebagai Ketua Pemuda Umno. Perubahan ini dalam mata saya nampak sangat kontradik. Beliau yang diagungkan sebagai pemimpin Abim dilihat berubah pembawaan, budaya setelah lapan tahun menyertai Umno dan memegang jawatan ketua sayap kanan parti kebangsaan itu. Beliau menyertai Umno tahun 1982 dengan memegang jawatan tertinggi dalam pemuda sebagai ketua.

Buku ini tidak disenangi oleh beliau. Mungkin ketika itu kemunculan buku itu sedikit melampau kerana ia semacam cuba mengganggu perjalanan politiknya dalam Umno yang naik meroket dan diharapkan akan bertakhta di kerusi perdana menteri. Mereka yang menyokong dan bersama perjuangannya serta mengimpikan beliau akan muncul

menjadi perdana menteri dengan karismatik yang beliau miliki, tidak senang dengan saya. Bahkan saya diancam untuk diheret ke mahkamah gara-gara menulis buku ini.

Meskipun begitu saya tidak gentar dan terus menulis dan menyorot perjalanan politiknya. Lagaknya dalam Umno sebagai menteri kabinet terus diamat-amati. Selepas itu lahirlah pula buku kedua mengenainya, berjudul; *Antara Anwar, Dollah dan Sanusi: Tuhan Pilih Siapa*. (Tinta Merah, Kuala Lumpur, 1992). Buku ini memberi fokus kepada tiga pemimpin yang dikira berpotensi untuk diangkat menjadi perdana menteri selepas Dr Mahathir. Anwar menjadi pilihan anggota Umno dan orang ramai, beliau juga ketika itu dilihat sebagai dewa dalam Umno. Sebaliknya saya dengan firasat dan maknawi tidak melihat jalan mudah baginya untuk mencapai jawatan itu. Saya telah menggariskan seribu halangan melingkari alur perjalanannya yang tidak mudah diterima olehnya.

Selepas itu keluar buku ketiga saya yang menyorot perjalanan politiknya yang sudah bermasalah (berhalangan) berjudul; *Agenda 1996: Anwar Lawan Dr Mahathir* (Tinta Merah, Kuala Lumpur, 1995). Lewat buku ini saya memberi *signal* dengan berpandukan pengaruh, sokongan padu ahli Umno dan orang ramai sedang mengharapnya selepas Dr Mahathir, agar menentang Dr Mahathir dalam pemilihan Umno pada tahun itu. Kerana bagi saya ketika itulah masa dan ruang terbaik apabila disedari sudah ada usaha untuk menyingkirkannya dari mencapai harapan itu. Apa lagi ketika itu popularitinya di kemuncak. Namun atas sikap *busn al zaan*, bersangka baik dan gagal membaca hati budi dan politik licit (*Machiavellianisme*) Dr Mahathir serta

mengesan teori konspirasi sedang digerakkan, cadangan dan gesaan saya itu tidak diendahkan. Anwar akhir terkuku di kaki Mahathir.

Buku-buku saya yang diterbitkan sebelum 1998 adalah buku yang kritis terhadap kepimpinan dan peluangnya dalam Umno. Dalam masa sama saya mengkritik dan cuba memberi petunjuk bahawa jalan politiknya tidak terang seperti diharapkan. Ia satu peringatan berdasarkan makrifah saya sebagai pemerhati dan penulis bebas tidak lebih daripada itu.

Perubahan sikap dan simpati saya kepada Anwar bermula selepas peristiwa pemecatannya daripada Umno dan jawatan TPM, 2 September 1998. Peristiwa pemecatan itu yang dilakukan menerusi konspirasi politik peringkat tertinggi menyebabkan saya *all out* (bermati-matian) bertindak membelanya. Kelahiran buku *Sumpah dan Airmata Reformis Bangsa*, (Tinta Merah, Kuala Lumpur, 1998), membuka era baharu. Saya yang sebelum ini yang skeptikal terhadapnya kerana tidak senang dengan perwatakannya, menjadi sebaliknya. Apa yang menolak empati saya ialah tindakan ke atasnya terlalu zalim dan kejam. Kemanusiaan saya sama sekali tidak dapat menerima apa yang dilakukan Dr Mahathir Mohamad terhadapnya itu.

Buku itu seperti buku pertama saya mengkritiknya, AIMDR buku SDAMRB juga menjadi buku pertama yang membela Anwar atas pemecatannya dan pemenjaranya. Buku itulah juga mengenalkan saya dengan Anwar secara peribadi. Gara-gara buku itu, Anwar mengirimkan sepotong nota kepada saya yang ditulis dari penjara yang cukup emotif, berbunyi:

“SAUDARA M. Sayuti semoga saudara sentiasa dalam pemeliharaan Allah ajzajarwalah. Sdr Zulkifli Nordin menyampaikan buku sdr “Anwar Dizalimi?” semalam dan saya sempat membacanya.

Sekadar catatan peribadi bahawa saya tidak sesekali-kali menaruh rasa curigai atau memendam rasa terhadap sdr. Jika sdr kenali saya lebih dekat saya lebih senang berdepan, meluahkan perasaan dan tetap bersilaturahim justeru sdr sering mengulangi kesempatan kita bertemu di ruang parlimen seketika dahulu, saya terdorong untuk memberikan sedikit penjelasan.

Saya tetap menghargai kegigihan sdr melalui buku, Tamadun dan lain-lain dalam keadaan masyarakat mahu dikongkong dan dibelenggu oleh sang penguasa.

Salam reformasi,

14 Disember 98,

Lokap Mahkamah KL, 8.50 pagi.

Selepas kelahiran buku itu maka lahirkan serangkaian buku-buku yang membelanya dan menghuraikan perjuangan sucinya untuk rakyat dan negara. Buku-buku selepas itu, adalah;

Anwar Dizalim, (Tinta Merah, Kuala Lumpur, 1998), (yang tajuk asalnya *Siapa Pencabar Anwar*), *Anwar Comeback*, (Tinta Merah, Kuala Lumpur, 2004) yang menceritakan keampuhan Anwar dalam perjuangan. Buku ini ditulis sebagai menyambut pembebasannya daripada

R. H. H. H.
Saudara M. Faruk, *R. H. H. H.*
- amung the President di dalam
pembelajaran Allah Swastiyalla.

Si Zulhifri Mordini menampikan
luka PA, Anwar Di zalimi? Anwar dan
saya sangat membacanya.

Ikutan catatan peribadi bahawa saya
tidak akan-laki menaruh rasa curiga
atau memendam rasa terhadap dia, jika
dia benar-benar saya lebih dekat, saya
lebih senang bersetujuan, meluaskan
perasaan dan tetap berketuhanan. Jadi
dia sering mengulangi kata-kata
luka sebelum diruang Parlimen pada
dulu, saya terdorong untuk memberikan
sabit penjelasan.

Saya tetap mengingati keagihan
dia menjelaskan masalah melalui buku
Tamasya Allah dalam keadaan meragukan
untuk ditunjukkan dan dilempar oleh
Anggota. Selan Reformasi!

R. H. H. H.
4 DIT. 98
Tahun kelahiran...



penjara 3 September 2004. Terurutan dari itu lahirlah pula buku; *Anwar Perdana Menteri Dalam Penantian, Jalan Pintas Ke Putrajaya*, (Tinta Merah, 2008), dan lain-lain.

Buku *Penjara Bukan Pusara – Anwar Ibrahim PM Yang Didambakan* (Tinta Merah, Kuala Lumpur, 2020) buku yang mendedahkan keuletan dan kegigihan Anwar sebagai pejuang bangsa. Walaupun beliau dianiaya, diseksa dan dipenjara kemudian dipermainkan namun ia tidak sedikit pun menggugat kedudukannya sebagai pejuang. Anwar tidak pernah berasa hati dengan apa yang berlaku dan inilah menjadikan kita terkunci simpati kepadanya.

Dan buku yang sedang diusaha terbitkan ini, sekali lagi berlatarkan kepada kisah dan perjuangan Anwar. Buku ini mempunyai signifikan dengan pertanyaan umum terhadapnya yang menanti bilakah beliau akan jadi PM. Semoga buku ini menjadi buku bermakna dan menjawab persoalan yang timbul itu, kenapa Anwar masih belum menjadi PM? Mudah-mudahan buku ini tidak lagi mengasak pemikiran khalayak dengan pertanyaan yang sudah menjadi penasaran itu dan kita sudah punya jawapan berhubung persoalan itu.

Salam hormat dan selamat membaca. 

MOHD SAYUTI OMAR


Wangsa Maju,

27 Rabiulwal 1443

03 November 2021.

• BAHAGIAN PERTAMA •

TUNJANG BUKU



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



"SEBUAH buku yang mengutarakan pandangan penulis terkait senario politik negara serta perjuangan saya dalam memungkinkan perubahan.

"Jemput rakan-rakan untuk dapatkan naskah terbaru saudara Mohd Sayuti ini." – **DATUK SERI ANWAR IBRAHIM**, Ketua Pembangkang Malaysia. *Salam Reformasi.*

Anwar

"SAYA merupakan penggemar buku-buku tulisan Mohd Sayuti Omar (MSO) semenjak saya berusia 16 tahun, iaitu lebih 31 tahun yang lalu. Tulisan MSO jarang mengecewakan. Buku ini tidak terkecuali. Tidak keterlaluan jika saya katakan MSO memang pengkagum Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana pelbagai bujab beliau. Hal ini jelas terserlah tanpa terselindung di dalam beberapa perenggan buku ini.



"Walaupun bagaimanapun ini bukan bermaksud buku beliau ini adalah buku propaganda untuk mengagut Anwar. MSO di dalam buku beliau ini telah menjadikan senario politik Malaysia pasca 'Langkah Sheraton' sebagai latar untuk beliau melontarkan ide-ide dan analisis beliau sebagai penulis politik yang berpengalaman tentang apa yang sebenarnya berlaku dalam politik tanah air, terutamanya berkaitan politik orang Melayu.

"Lontaran senario-senario baru beliau untuk politik baharu pasca PRU (beliau sebut sebagai PIRAUM) ke-15 juga agak menarik untuk dibaca dan diperdebatkan.

"Pendekata, buku ini berbaloi untuk dimiliki dan dibaca. Ia bukan sekadar berbicara tentang Anwar Ibrahim sabajal!" – **DR MASZLEE MALIK**, Ahli Parlimen Simpang Renggam, mantan Menteri Pendidikan Malaysia.

"BUKU ini bukan tentang Anwar. Buku MSO ini meneraca harapan dan kekecewaan rakyat dalam panggung politik bangsa Melayu yang kian tambah keliru. Buku ini mencitrakan betapa rakyat marhaen masih juga lagi diperolok-olokkan. MSO sebenarnya bicara tentang sistem nilai bangsa yang sakit dilanda Virus-Batil. Dan MSO melibat pandemik derita rakyat terbius oleh politik nyanyi Nina Bobo akan banya dapat divaksinkan dengan suntikan kemurnian yang mengangkat Keadilan dan Kesaksamaan dan Ketelusan dan Ketulusan dalam sistem nilai yang seharusnya diangkat untuk ditegakkan dan dijulang tinggi di bumi, di langit, di bulan, di matari impian rakyat yang sudah amat lama tertangguh dan tertunda bagaikan wayang tak jadi.



"Dan MSO melihat semua nilai ini ada dalam jiwa dan nurani di lubuk kalbu perjuangan Anwar Ibrahim. Makanya MSO bertanya Mengapa Anwar Belum Jadi PM?" – **YASSINSALLEH**, Presiden Ziarah Karyawan Nusantara, Sutradara dan Sasterawan PAKSI.

BUKU ini mungkin buku terakhir MOHD SAYUTI OMAR (MSO) tentang Anwar Ibrahim? Sejak tahun 1990 sampai kini MSO sudah tulis lebih 10 buah buku mengenai Anwar. Enam buah khusus mengenainya dan selebihnya ada sangkut paut dengannya juga. Kerana penulis menjadikan Anwar sebagai mauduk

penulisan, menyebabkan MSO dianggap sebagai orang Anwar. Lebih kejamnya sebagai penulisan upahan?

MSO bukan pentaksub kepada Anwar dan mendewakannya. Mereka mengenali MSO dan mengikut penulisannya sejak awal, tahu akan chemistry beliau dengan Anwar. MSO adalah penulis politik pertama yang mengkritiknya, ironi menjadi penulis pertama membela Anwar apabila tokoh reformasi itu dianiaya dan dizalimi.

ISBN 978-967-26438-0-7



SEM. RM55 / SS RM58

